

Lembaran Pendedahan Produk

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum membuat keputusan untuk membeli insurans Skim Pampasan Pekerja Asing. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Skim Pampasan Pekerja Asing

1. Apakah produk ini?

Dibawah Seksyen 26(2) Akta Pampasan Pekerja 1952 (Pindaan Ogos 1996), setiap majikan adalah diwajibkan untuk memastikan setiap pekerja yang digajikan diinsuranskan dibawah Skim Pampasan Pekerja Asing. Polisi ini member perlindungan keatas semua pekerja seperti yang tercatat di dalam Akta.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini menanggung rugi anda di bawah Akta tersebut berhubung dengan pampasan ke atas kecederaan pekerjaan dan juga kecederaan bukan pekerjaan yang dialami oleh pekerja dalam tempoh penggajiannya. Faedah-faedah yang diperuntukan pada polisi adalah seperti berikut :-

Faedah	Had Indemniti
Seksyen 1 – Pampasan Pekerja Insurans	
Kematian akibat penyakit atau kemalangan pekerjaan yang berlaku semasa waktu bekerja	RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah.
Kematian akibat kemalangan semasa bekerja	RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah dan tambahan RM7,000
Perbelanjaan pengebumian	Maksimum RM1,000 jika pekerja yang mati tidak mempunyai tanggungan
Hilang upaya menyeluruh kekal	RM23,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah
Hilang upaya sementara (Bayaran setengah bulan)	RM165 atau 1/3 daripada gaji bulanan (maksimum 60 bulan), yang mana lebih rendah
Seksyen 2 – Perbelanjaan Repatriasi	
Membayar kos pengangkutan untuk menghantar mayat pekerja yang mati atau pekerja yang hilang upaya menyeluruh kekal kembali ke Negara asalnya.	Berdasarkan perbelanjaan sebenar yang bertanggung atau RM4,800, yang mana lebih rendah
Seksyen 3 – Kemalangan Diri (selepas waktu bekerja)	
Boleh dibayar berhubung dengan kecederaan diri atau kematian yang dialami dalam kemalangan yang berlaku selepas waktu bekerja :-	
Kematian atau hilang upaya kekal	RM23,000

Hilang upaya separa kekal	Berdasarkan RM23,000 yang dikira mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952 (Pindaan 1996)
Hilang upaya sementara	Mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952
Perbelanjaan perubatan	Mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium tahunan adalah RM67 tambah RM5 bayaran perkhidmatan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

4. Apakah kadar dan caj yang perlu saya bayar?

Sebagai tambahan kepada premium, anda perlu membayar:	Amaun
a. Yuran perkhidmatan dalam-talian kepada Jabatan Tenaga Kerja	RM5 setiap pekerja
b. Cukai Barangan dan Perkhidmatan	0% daripada premium
c. Duti Setem	RM10.00

Premium yang anda bayar termasuk komisen dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 10% daripada premium.

5. Bolehkah polisi ini dilanjutkan untuk melindungi pekerja asing di luar Malaysia?

Tidak. Polisi ini terbatas kepada batasan Malaysia and tertakluk kepada kuasa undang-undang Malaysia saja.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kewajipan pendedahan** – Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan polisi anda.
Anda mesti memastikan yang borang cadangan siap dengan tepat kerana ia merupakan asa kepada kontrak insurans anda.
- **Warranti Premium** – Premium mesti dibayar dan diterima kepada pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh polisi ini mula berkuatkuasa, jika tidak, perlindungan akan dibatalkan secara automatic dan anda bertanggung jawab menanggung setimpal daripada premium bagi tempoh polisi yang telah diberkuatkuasa.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi :-

- Liabiliti Common Law
- Tindakan haram, membunuh diri dan perbuatan mencederakan diri sendiri.
- Apa-apa bentuk penyakit, jangkitan atau parasit, AIDS
- Aktiviti sukan berbahaya seperti mendaki gunung, payung terjun, lumba kereta dan sebagainya.
- Perang, perang saudara
- Mana-mana tindakan keganasan

NOTA

Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan member notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, sebarang pemulangan premium akan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam polisi kontrak.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10. Apakah yang harus anda lakukan jika berlakunya kerugian?

Anda perlu :-

- (i) Melaporkan kemalangan serta-merta kepada Jabatan Buruh (aplikasi kepada kemalangan semasa pekerjaan sahaja).
- (ii) memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran secepat mungkin. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawall mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda.

11. Apakah yang harus anda lakukan semasa membuat tuntutan?

Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan kepada pihak kami dan anda dikehendaki member kerjasama sepenuhnya kepada kami dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

12. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

8th Floor, Menara Multi-Purpose

Capital Square,

8, Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

Tel : 03-2034 9888

Fax: 03-2694 5759

Email: generalienquiries@mpigenerali.com

13. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

- Insurans Pampasan Pekerja
- Insurans Liability Majikan

IMPORTANT NOTE:

YOU ARE ADVISED THE COVERAGE, EXCLUSIONS AND LIMITATION OF BENEFITS HIGHLIGHTED ARE NOT EXHAUSTIVE. THE FULL INFORMATION IS IN THE INSURANCE CONTRACT.

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS POLICY WILL BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at 01/06/2018.